

SEKRETARIAT AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAS)

Ruj. : MBOT 600-8/5/1 (20)

Tarikh : 3 September 2021

ENCIK HJ. MOHD. NASIR BIN ABD GHANI

Pengarah

Bahagian Governan dan Kecemerlangan

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Tuan,

PEMAKLUMAN MOD PENGAJIAN BERDASARKAN WORK-BASED LEARNING (WBL)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAS) mengucapkan terima kasih kerana menghubungi pihak kami berkaitan perkara ini.

3. Program-program yang diakreditasi oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bersifat dinamik dan fleksibel seiring dengan kemajuan teknologi terkini. Oleh itu, mod pengajian bagi program-program ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai mod, selaras dengan semangat fleksibiliti Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam merekabentuk program pengajian masing-masing berdasarkan keperluan pihak berkepentingan. MBOT tiada halangan bagi penggunaan kaedah Work-Based Learning (WBL) memandangkan pendekatan WBL yang digunakan oleh MBOT adalah berdasarkan garis panduan 2u2i dan mengambil kira 1 semester WBL serta 1 semester Latihan Industri. MBOT juga tiada halangan jika PPT menggunakan garis panduan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh menghubungi YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed, Pengarah Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAS) MBOT di talian 03-88008386/011-10582610 atau e-mel m.rusllim@mbot.org.my / ttas@mbot.org.my.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. MADYA Ts. DR. MOHD RUSLLIM BIN MOHAMED)

Pengarah

Sekretariat Akreditasi Teknologi Dan Teknikal (TTAS)

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

sk : Pendaftar MBOT
: Pengerusi TTAC
: Fail